




SEMINAR KEBANGSAAN

ADAT PEPATIH &
WILAYAH BUDAYA
NEGERI SEMBILAN

3-5 MEI 1984

DI UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR.

KESENIAN SEBAGAI PEMUPUK PERPADUAN

RAKYAT NEGERI SEMBILAN

(INON SHAHARUDDIN ABD RAHMAN)



Anjuran Bersama:

Universiti Pertanian Malaysia,
Kerajaan Negeri Sembilan, dan
Kementerian Kebudayaan, Belia
dan Sukan, Malaysia.

SEMINAR KEBANGSAAN ADAT PERPATIH
DAN WILAYAH BUDAYA NEGERI SEMBILAN
3 - 5 MEI, 1984 DI UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

"KESENIAN SEBAGAI PEMUPUK PERPADUAN
RAKYAT NEGERI SEMBILAN"

Oleh

Inon Shaharuddin Abd. Rahman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Kesenian Sebagai Pemupuk
Perpaduan Rakyat
Negeri Sembilan

Pengenalan

Kertas yang ringkas ini meninjau beberapa kesenian tradisional yang masih hidup subur di Negeri Sembilan, berdasarkan kajian-kajian yang agak mendalam oleh tenaga akademik dan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. Dan sehubungan dengan itu penulis ingin meninjau bagaimana kesenian-kesenian tersebut bertindak sebagai suatu unsur yang dapat menyatupadukan rakyat di negeri berAdat Perpateh ini.

Kajian-kajian yang telah dijalankan bukan sahaja menunjukkan bahawa telah berlaku perpindahan rakyat dan adat dari tanah seberang ke Negeri Sembilan dan membawa bersamanya nilai kehidupan, sistem kepimpinan, ekonomi dan sosial yang baru, malah tradisi budaya dan kesenian turut serta dalam perpindahan itu.¹

-
1. Baharom bin Endut, Kesenian Tradisional Melayu, Permainan Rentak Kuda atau Bongai di Negeri Sembilan, Latihan Ilmiah UKM, 1975, hal. 55, menyatakan bahawa Rentak Kuda dibawa ke Negeri Sembilan dari Kampar pada Abad ke-15 melalui Kuala Sungai Linggi ke Rembau, dan kemudian ke Seri Menanti melalui Bukit Tujuh. Rentak Kuda kemudiannya berkembang di Johol dan Sungai Ujong.

Azizah binti Mohd. Nor, Permainan Tradisional Randai Di Lenggeng, Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah UKM, 1979, hal. 28, menyatakan bahawa 'Randai' tercipta di alam Minangkabau yang membawa erti sepakat atau bergotong-royong membantu saudara atau sahabat yang dalam kesusahan.

Bahriyah Mohd. Salleh, Dikir Mengarak Pengantin Di Kampung Mantin. Latihan Ilmiah UKM, 1980, hal. 13, menyatakan bahawa Dikir yang ada di Mantin berasal dari Linggi, dibawa oleh seorang Minangkabau bernama Mohd. Shah bin Yunus. Beliau mula-mula mengajar dikir di Nilai pada tahun 1937, kemudian di Kampung Batang Benar dan Kc. Gebok.

Di antara kesenian yang dipupuk di kalangan masyarakat Negeri Sembilan termasuklah Bongai atau Rentak Kuda, Randai, Caklempong, Tumbuk Kalang, Dikir Rebana, Dikir Mengarak Pengantin, Zikir Nabi Allah, Andoi, Sandoi dan Donak Donai. Barangkali banyak lagi kesenian lain yang belum didokumentasikan, dan belum diselidiki makna dalaman yang terdapat pada kesenian-kesenian itu. Berdasarkan kajian mengenai kesenian-kesenian yang telah didokumentasikan adalah didapati kesenian-kesenian itu mengandungi berbagai unsur yang sesungguhnya dapat menyatupadukan anggota-anggota masyarakat yang mendokongnya.

Tetapi, umum telah maklum bahawa kebelakangan ini unsur-unsur budaya popular dari Barat telah mula menular ke dalam masyarakat di negara ini dan rakyat Negeri Sembilan tidak terkecuali dari menjadi sasaran unsur-unsur tersebut. Kedatangan unsur-unsur Barat ini bukan sahaja boleh mempengaruhi anak negeri ini melibatkan diri dengan budaya baru, malah ia boleh pula menyebabkan beberapa unsur budaya tradisional itu diabaikan, ditinggalkan atau terus dilupakan. Malah akan lebih mencemaskan jika pengabaian budaya tradisional ini berlaku tanpa berlakunya sebarang pengaruh atau akibat kemasukan suatu budaya popular dari luar.

Tetapi sesuatu perubahan yang mengaitkan kebudayaan pasti mengambil masa yang amat lama. Ini adalah disebabkan bahawa budaya itu dipelajari melalui suatu proses yang panjang. Proses sosialisasi atau pembudayaan seseorang berlaku sejak ia lahir sehingga ia mati, dan proses ini diteruskan pula oleh zuriatnya yang membentuk generasi yang baru secara 'overlapping'. Kejadian 'overlapping' sosialisasi

itu menentukan bahawa unsur-unsur budaya yang diamalkan terus diperhalusi dalam setiap generasi (sila lihat Rajah 1).

Sebelum kedatangan Adat Perpatih orang-orang tempatan di Negeri Sembilan telah pun mempunyai cara hidup mereka yang tersendiri. Tetapi dalam proses akulturasi unsur-unsur budaya yang lebih baik sentiasa terpilih bagi menggantikan unsur-unsur budaya yang lain. Pada akhirnya Sistem Adat Perpatih yang dipraktikkan oleh pembawanya dari seberang Selat Melaka telah diserap ke dalam kehidupan masyarakat Melayu tempatan dengan penyesuaian-penyesuaian yang tertentu. Sebaliknya kedatangan kaum asing dengan budayanya yang amat asing, yang pada pandangan orang tempatan terlalu berbeza dan sememangnya tidak dapat diserapkan ke dalam budaya mereka, terus tidak dilayan. Dan kehadiran kaum asing serta budaya asing itu dalam jangkamasa yang lama juga masih belum dapat mengubah falsafah, norma dan nilai hidup rakyat di negeri ini.


Kesenian Di Negeri Sembilan

Kesenian adalah aktiviti atau karya manifestasi dari perasaan manusia, baik secara individu atau secara kolektif, yang bersifat indah. Ia meliputi seluruh yang dapat menimbulkan rasa kalbu keindahan,² dan rasa keterharuan khususnya untuk kesejahteraan hidup.³ Ragam

2. C. Israr, Sejarah Kesenian Islam, Jakarta: P.T. Pembangunan, 1955, hal. 8.

3. Sidi Gazalba, Masyarakat Islam, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1976, hal. 21.

Rajah 1
Menunjukkan Tindakanlapis Generasi



L - Lahir
K - Kanak-Kanak
R - Remaja

D - Dewasa
N - Kikah
M - Mati

kesenian itu meliputi senigerak, senisuaru vokal, seni sastera, senirupa dan senibunyi (muzik). Penghayatan seni itu dimanifestasikan bukan saja dalam satu jenis atau ragam seni, tetapi kerap kali ia merupakan kombinasi atau kesatuan beberapa jenis seni. Dari segi penilaian pula kesenian itu tidak dilihat hanya dari bentuk karya itu sendiri tetapi ia dinilai dari segi hubungan karya dengan karyawan serta hubungan antara karya/karyawan dengan audien atau penonton-penonton.

Kajian-kajian masa lalu menunjukkan bahawa terdapat berbagai jenis kesenian di hampir seluruh Negeri Sembilan. Lima buah kajian dari tahun 1975 hingga 1983 menunjukkan terdapat sembilan jenis kesenian tersebar di beberapa tempat terutamanya Kuala Pilah, Jelebu, Labu, Mantin, Teraci, Senaling, Rantau, Lenggeng, Rembau, Johol dan Seremban (lihat Rajah II). Kesemua kesenian itu melibatkan ahli-ahli seni yang berkarya secara kolektif (Rajah III). Kesenian-kesenian yang berbentuk ensembel memerlukan ahli-ahlinya belajar berkoodinasi dalam menjayakan persembahan mereka; iaitu koordinasi seni persembahan muzik, seni vokal, dan seni geraklaku. Misalnya, dalam Dikir Mengarak Pengantin terdapat beberapa kemahiran geraklaku yang perlu dipelajari. Menurut Bahriyah, "Kemahiran ini memerlukan pembelajaran yang khusus kerana banyak peringkat tepukan yang perlu diketahui oleh seseorang itu sebelum ia boleh berdikir. Selain dari itu ia sepatutnya boleh bertepuk serentak dengan pendikir lain serta berkoordinasi 'huruf'⁴

4. Bahriyah Mohd. Salleh, Dikir Mengarak Pengantin Di Kampung Mantin, hal. 48.

'Huruf' bermaksud bahagian ayat yang didikirkan. Bahagian-permulaan sesuatu keturun tiap-tiap ayat dibahagi kepada empat cebisan, tiap-tiap cebisan dikenali sebagai 'huruf'.

Rajah II
Taburan Kesenian* Di Negeri Sembilan Berdasarkan
Kajian Ilmiah oleh Tenaga UKM

	Kuala Pilah	Labu	Jelebu	Mantin	Teraci	Rantau	Senaling	Lenggeng	Rembau	Johol	S. Ujung
Rentak Kuda (Baharom Endut, 1975)	✓		✓		✓		✓	✓	✓	✓	✓
Randai (Azizah Mohd. Nor, 1979)	✓		✓					✓			
Dikir Mengarak Pengantin (Bahriyah Mohd. Salleh, 1980)	✓			✓		✓					
Caklempong (Lat Da Fat, 1983)	✓		✓					✓	✓	✓	
Tumbuk Kalang (Ramli Isin, 1982)	✓									✓	

* Kesenian-kesenian lain yang ditinjau: Andoi, Sandoi, Donak Donai, Zikir Nabi Allah.

Rajah III

Jumlah Ahli Yang Terlibat Dalam
Kesenian-Kesenian di N.S.

Kesenian	Jumlah	Keterangan
Dikir Rebana	12 hingga 30 orang	Jumlah lengkap termasuk seorang pemalu tetawak atau gong.
Dikir Mengarak Pengantin	Tidak terhad	Jumlah yang lebih besar lebih baik untuk prestasi nyanyian kumpulan.
Rentak Kuda	Sekurang-kurangnya 6 orang.	Ada lima orang pemuzik yang bermain gendang, tetawak, biola bangsi dan salung. Sekurang-kurangnya ada 1 pemantun.*
Randai	12 orang.	12 pemain melambangkan 12 suku dalam Adat Perpateh.
Tumbuk Kalang	Sekurang-kurangnya 2 orang.	

* Kumpulan yang dikaji mempunyai 6 orang pemantun.

dengan tepukan. Seseorang pendikir mesti tahu bila sepatutnya ia membuat perubahan tepukan bila sampai di peringkat 'alih',⁵ kerana di peringkat ini tepukan akan berubah; kemudian diikuti pula dengan perubahan irama, tepukan menjadi pantas dan rancak".⁶ Bukan saja persamaan tepukan atau giliran tepukan perlu berkoordinasi, malah teknik tepukan juga perlu koordinasi tangan dan jari pemuzik. Menurut Bahriyah lagi,⁷ terdapat dua jenis tepukan ('cop' dan 'tung') yang menimbulkan kemerduan irama, dan ini ditambah pula dengan jentikan dua jari pada rebana yang menurutnya "menimbulkan irama yang lebih merdu."

Hal yang sama berlaku dalam kesenian Caklempong, Randai, Tumbuk Kalang dan Rentak Kuda. Dalam permainan Caklempong pemain-pemain Caklempong Sana,⁸ Jereteh⁹ dan Tingkah¹⁰ harus mempunyai

-
5. 'Alih' atau 'alif' bermaksud perenggan atau pertukaran. Di tiap-tiap 'alih' atau perenggan diadakan perubahan irama, tepukan dan suara.
 6. Bahriyah Mohd. Salleh, *ibid.*, hal. 53.
 7. *Ibid.*, hal. 55.
 8. Alat muzik yang dipalu, berbentuk pencon dibuat dari logam. Mangkuk berbenjol disusun di atas regangan tali pada kotak kayu empat segi bujur diperbuat khas yang disebut rumah Caklempong. Caklempong sama mempunyai lapan mangkuk membawa nada Bass. - Lat Da Fat, 'Muzik Caklempong', Laporan Projek I Kursus Muzik dan Masyarakat, JPM, UKM, hal. 2.
 9. Caklempong 'Jereteh' mengandungi 15 mangkuk/bonang membawa melodi.
 10. Caklempong 'tingkah' juga mengandungi 15 mangkuk/bonang membawa nada rentak.

persefahaman atau koordinasi untuk menjayakan persembahannya. Pemain-pemain alat yang lain,¹¹ selain dari memahami lagu,¹² perlu pula bersefahaman dengan pemain-pemain alat Caklempong itu sendiri. Dalam permainan Rentak Kuda atau Bongai terdapat muzik ensembel¹³ dan di samping muzik ada pemantun yang menyumbangkan suara yang lemah merdu. Pemantun yang dapat menghayati muzik dan rentak dengan spontan dapat menyumbangkan pantun-pantun yang berbagai imejannya dan indah senikatanya.

Kesenian dan Perpaduan

Dengan menyentuh mengenai koordinasi di kalangan seniman atau pemuzik, secara tidak langsung soal perpaduan juga telah dibincangkan. Bagaimanapun secara lebih luas, dalam konteks kesenian perpaduan yang dicetuskan meliputi tiga jenis hubungan iaitu (i) hubungan 'inter-personal' di antara anggota-anggota dalam sesuatu kumpulan,

11. Digunakan juga alat moden iaitu biola, akodian dan flute.

12. Lagu-lagu Caklempong menurut Lat Da Fat:

i. Simpang Empat ii. Sidayung iii. Rangkaian Empat
iv. Siondeh v. Tak Tak Tung Gelamai Jagung vi. Andai-andai
vii. Ikan Kekek viii. Lagu Baginda Kali ix. Si Damping.

Menurut Nor Adib Hj. Jalil. Laporan Projek II, Kursus Muzik dan Masyarakat, terdapat juga lagu-lagu:

x. Pak Tanjar xi. Gocar Bacang xii. Tupai bergelut.

Menurut Siti Hawa Muhammad. Laporan Projek III, terdapat lagu-lagu baru diterapkan dalam muzik Caklempong:

xiii. Terkonang Jo Kampuang xiv. Bugih Lamo xv. Mudiek Arau
xvi. Ayam Den Lapeh.

13. Dalam Rentak Kuda, ensembel terdiri daripada: gendang, tetawak, biola, bangsi dan salung.

(ii) hubungan di antara sesuatu upacara dengan pendokong-pendokong upacara itu, dan (iii) hubungan di antara proses pengkaryaan dengan proses dokongan upacara (sila lihat Rajah IV).


Hubungan 'interpersonal' di antara anggota dalam satu-satu kumpulan berlaku:

- i. di kalangan seniman secara individu, iaitu seniman berinteraksi dengan karyanya (misalnya, menghayati sesuatu watak dalam Randai, atau memahami makna sesuatu lagu atau pantun).
- ii. di kalangan seniman secara kolektif, iaitu persefahaman dari segi permainan alat muzik, keharmonian vokal semasa menyanyi atau berzikir, atau koordinasi nyanyian muzik dan tarian (seperti dalam Randai).
- iii. di antara seniman dengan audien, iaitu adanya 'feedback' yang aktif seperti tepuk tangan atau sumbangan sukarela (seperti dalam Bongai) ataupun penghayatan yang 'pasif'.

Hubungan upacara dengan pendokong upacara berlaku:

- i. di kalangan individu yang menjalankan sesuatu upacara. Seseorang pendokong upacara mempunyai tugasnya yang tertentu yang difahaminya dan tidak boleh dilakukan oleh orang lain (Dalam hal ini ada beberapa orang individu yang tertentu yang terlibat, masing-masing dengan tugas masing-masing).

Rajah IV



Kesatuan Hubungan Karya/Upacara, Seniman/Pendokong
Upacara Audien/Masyarakat

- ii. di kalangan individu-individu secara kolektif. Misalnya, dalam Zikir Nabi Allah, atau Zikir Mengarak Pengantin, perlu ada koordinasi dari segi giliran berzikir dsb.
- iii. di antara pendokong dengan ahli-ahli masyarakat. Ahli-ahli masyarakat bukan sahaja mengapresiasi apa yang dilakukan oleh pendokong upacara, malah memberiakuan pengesahan atau legitimacy kepada pendokong upacara.

Hubungan di antara proses pengkaryaan dengan proses ritual berlaku:

- i. di antara seni dengan upacara, iaitu pengkaryaan seni itu memberi makna yang lebih mendalam kepada upacara yang dijalankan. Misalnya, Zikir Mengarak Pengantin semasa mengiringi pengantin menambahkan suasana 'solemn', (ketenangan, kesopanan, kepentingan) bagi upacara perkahwinan.
- ii. di kalangan pendokong upacara dengan pendokong seni, iaitu ada persefahaman dari segi giliran tugas serta ada pula perasaan saling menghormati di antara mereka.
- iii. di kalangan audien dan masyarakat.

Simbol

Dalam kesenian, makna selalunya diperlihatkan dalam simbol-simbol tertentu. Dari kesenian-kesenian yang telah disebut tadi simbol

yang ketara ialah dari (i) bentuk dan dari (ii) jumlah.

Menurut Azizah Mohd. Nor,¹⁴ Randai "bertujuan menyusun sahabat handai untuk sepakat bergotong-royong membantu sahabat atau saudara yang ditimpa kesusahan. Oleh sebab itu Randai sentiasa dimainkan dalam bulatan sesuai dengan kata pepatah:

Bulat air kerana pembentung
Bulat manusia kerana muafakat...
...Berat sama dipikul
Ringan sama dijinjing
Yang tidak ada sama dicari
Sama sakit sama senang...
...Seikat seperti sirih
Serumpun seperti serai
Seciap seperti ayam
Sedencing seperti besi...
...Duduk sama rendah
Berdiri sama tinggi."

Bentuk bulat permainan Randai dan bulat kata perbilangan itu adalah simbol muafakat yang mementingkan sikap tolong menolong, perpaduan dan perasaan sama rata. Menurut Baharom Endut,¹⁵ "Tarian Randai ini dipersembahkan dalam bentuk suatu bulatan yang melambangkan satu keadaan yang bersatu padu di dalam masyarakat. Penari-penarinya terdiri daripada sekurang-kurangnya 12 orang dan bilangan 12 orang ini memperlihatkan 12 suku yang terdapat di seluruh Negeri Sembilan."

Banyak simbol boleh dilihat dari imej yang dinyanyikan dalam pantun atau dari kata-kata indah yang terdapat dalam perbilangan

14. Azizah Mohd. Nor, *ibid.*, hal. 26-30.

15. Baharom Endut, *ibid.*, hal. 36.

(yang tentunya dibincang dengan mendalam dalam kertas kerja oleh Sdr. Dharmawijaya dan Sdr. Mohd. Yusof Md. Noor).

Fungsi

Tidak dapat dinafikan bahawa kesenian dapat menghiburkan perasaan, kerana ia melibatkan hal-hal yang indah. Sesuatu yang seni yang melibatkan interaksi beberapa individu dari beberapa generasi atau beberapa suku selalu menyarankan adanya peraturan-peraturan yang tersusun, difahami dan dipatuhi. Jika kesenian itu dipersembahkan di upacara yang formal atau di tengah khalayak yang ramai keindahan tidak terbatas hanya kepada persembahan muzik atau suara, malah keindahan ada dalam lagu dan senikata, dalam tingkahlaku dan pakaian pendokong-pendokong seni itu sendiri.

Jika dalam bahagian Simbol telah disebutkan bahawa terdapat fungsi tersirat di dalam kesenian-kesenian di Negeri Sembilan, sebenarnya fungsi yang zahir adalah lebih banyak. Caklempong, misalnya, dikata sering diadakan di majlis-majlis perkahwinan bagi mengarah atau menyongsong pengantin, mengiringi pencak silat, mengiringi tari piring, tari lilin, tari inai, mengiringi pengantin menyembah atau apabila pengantin masuk ke bilik.¹⁶ Rentak Kuda pula sering dimainkan di Malam Berinai atau Malam Berkonak. Di samping menghiburkan

16. Lat Da Fat, *ibid.*, hal. 7.

'orang-orang pangkal' bekerja, keadaan berjaga-jaga dapat mencegah barang-barang persiapan kenduri dari dicuri. Begitu malam berjaga-jaga diserikan dengan acara ini bagi menemani budak-budak yang sudah berkhatan. Dan yang terpenting ialah ia membenarkan sanak-saudara yang berkumpul mendapat luangan masa untuk membincangkan tentang kebajikan keluarga mereka.¹⁷

Penutup

Persembahan kesenian, baik ia berbentuk lafaz tanpa muzik mahupun ia berbentuk zikir yang beriringan muzik, mempunyai banyak kebaikannya. Muzik dalam masyarakat tradisional sebenarnya memainkan peranan yang penting. Kebanyakan aktiviti hidup yang dijalankan memerlukan upacara-upacara yang melibatkan partisipasi muzik di dalamnya, yang melibatkan partisipasi, kerjasama dan koordinasi ahli-ahli masyarakat. Setiap masyarakat mempunyai suatu bentuk kesenian yang mempunyai suatu identiti tempatan. Identiti ini menjadi sebatan disanubari setiap ahli masyarakat, dan setiap kali kesenian tertentu diadakan ahli-ahli yang berkenaan akan sentiasa diingatkan kepada asal-usulnya dan kesatuan masyarakatnya. Seperti kata Merriam, "Not all music is thus performed, of course, but every society has occasions signalled by music which draws its members together and reminds of their unity."¹⁸

17. Baharom Endut, *ibid.*, hal. 67-68.

18. Alan Merriam, The Anthropology of Music, Illinois, Northwestern University Press, 1914, hal. 227.

Rujukan

- Azizah Mond. Nor. Permainan Tradisional Randai Di Lenggeng, Negri Sembilan. Latihan Ilmiah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1978/79.
- Baharom Endut Kesenian Tradisional Melayu. Permainan Rentak Kuda Atau Bongai Di Negri Sembilan. Latihan Ilmiah, IBKKM, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1975.
- Bahriyah Mohd. Salleh. Dikir Mengarak Pengantin Di Kampung Mantin Dalam - Satu Kes Kajian. Latihan Ilmiah, Fakulti Sains Kemasyarakatan Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1979/80.
- Inon Shahrudin A. Rahman. Negri Sembilan: Biar Mati Anak Jangan Mati Adat ? Dewan Budaya. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, Mac 1982.
- Israr, C. Sejarah Kesenian Islam, Jakarta: Pt.T. Pembangunan, 1955.
- Lat Da Fat. Muzik Caklempong. Laporan Projek I, Kursus Muzik dan Masyarakat, JPM, UKM, 1983.
- Merriem, A.P. The Anthropology of Music, Illinois, Northwestern University Press, 1914.
- Nor Adib Hj. Jalil, Muzik Caklempong, Laporan Projek II, Kursus Muzik dan Masyarakat, JPM, UKM, 1983.
- Ramli Isin, Kuala Pilah : Kebudayaan Warisan Terpelihara, Dewan Budaya , Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, Mac, 1982.
- Siti Hawa Muhammad, Muzik Caklempong, Laporan Projek III, Kursus Muzik dan Masyarakat, JPM, UKM, 1983.